



## **Perniagaan seperti biasa untuk Tesco semasa Perintah Sekatan Pergerakan**

**KUALA LUMPUR, 17 Mac 2020:** Kesemua cawangan-cawangan Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd dan juga platform membeli-belah atas talian, Tesco Online akan terus dibuka seperti biasa semasa Perintah Sekatan Gerakan dari 18 hingga 31 Mac 2020, seperti mana diharuskan oleh Kerajaan Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif Tesco, Paul Ritchie memberi jaminan kepada para pelanggan bahawa Tesco mempunyai stok yang mencukupi dan akan terus menambah produk-produk penting di cawangan-cawangannya untuk memenuhi permintaan dalam tempoh ketidakpastian yang disebabkan oleh pandemik Covid-19.

"Cawangan-cawangan kami lebih sibuk daripada biasa, kerana ramai pelanggan yang membeli barangan harian dalam kuantiti yang tinggi. Walaupun pelanggan mungkin mendapati yang beberapa barangan kelihatan seperti sudah kehabisan kerana permintaan yang tinggi, saya ingin meyakinkan semua pelanggan bahawa stok baru sentiasa dihantar ke setiap cawangan dan rakan-rakan sekerja kami yang mengagumkan bekerja sepanjang masa untuk mengisi rak-rak di mana-mana cawangan kami secepat yang mungkin," kata Ritchie.

"Kami sedang bekerjasama rapat dengan pembekal-pembekal kami untuk mengekalkan bekalan semua produk utama, terutamanya makanan segar dan beku, barangan runcit kepentingan rumah dan barangan-barangan bukan makanan yang penting. Kami juga meminta para pelanggan untuk membeli barangan seperti biasa dan hanya membeli apa yang mereka dan keluarga mereka perlukan," katanya. "Kami faham kebimbangan kerana pandemik ini tetapi membeli lebih daripada yang diperlukan kadang-kadang bermakna bahawa orang lain tidak dapat memenuhi keperluan mereka. Ianya cukup untuk semua orang jika kita bekerjasama."

Ritchie juga menggalakkan para pelanggan untuk menggunakan aplikasi Scan & Shop yang baru dilancarkan bulan lalu apabila membeli-belah barangan rumah di Tesco.

"Pelanggan-pelanggan kami boleh berbelanja dengan mudah melalui aplikasi Scan & Shop kami yang akan membantu mereka menjejaki perbelanjaan dan mengimbas pembelian mereka ketika membeli-belah di cawangan kami. Bukan sahaja mereka boleh mengurangkan masa membeli-belah mereka, mereka juga boleh mengurangkan hubungan fizikal semasa dalam cawangan-cawangan kami," kata Ritchie.

Aplikasi yang boleh dimuat turun secara percuma di Google Play Store dan App Store ini membolehkan para pelanggan menjejaki perbelanjaan mereka dengan mengimbas barangan-barangan itu sendiri semasa membeli-belah di mana-mana cawangan Tesco. Sebaik sahaja

selesai, pelanggan boleh pergi terus ke Kaunter Layanan Sendiri atau Kaunter Tunai, sediakan kod bar yang dihasilkan aplikasi dan membayar tanpa perlu mengeluarkan apa-apa barangan dari bakul atau troli mereka dan tanpa memerlukan juruwang mengimbas barangan. Melalui cara ini, para pelanggan masih boleh mengamalkan 'social distancing' semasa membeli-belah di Tesco. Scan & Shop app boleh didapati di semua cawangan Tesco di seluruh negara.

Untuk mengetahui lebih lanjut, lawati <https://www.tesco.com.my/Highlights/Campaigns/Scan-Shop/HighlightDetails/>.

Pelanggan juga boleh membeli keperluan mereka melalui Tesco Online atau berbelanja melalui Happyfresh. Walau bagaimanapun, Tesco mengenakan had kuantiti sementara kepada maksimum tiga (3) unit setiap barangan untuk pembelian di Tesco Online, untuk mengekalkan kecekapan dalam menyampaikan dan melayani pelanggan.

Sementara itu, Tesco terus bekerjasama dengan pihak berkuasa kesihatan dalam melaksanakan langkah-langkah yang diperlukan untuk memastikan kesihatan dan keselamatan semua rakan-rakan sekerja dan para pelanggan di semua cawangannya di seluruh negara. Langkah-langkah ini termasuklah kerap membasmi troli, kaunter pembayaran, dulang penghantaran, peralatan dan semua kawasan sesak pelanggan dengan cecair pembasmian kuman. Semua rakan sekerja Tesco juga telah dilatih untuk mengamalkan rutin kebersihan yang baik.

Sekiranya para pelanggan mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila hubungi Talian Bantuan Pelanggan Tesco di 1300 13 1313.

**ENDS**

#### **About Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd**

Tesco Malaysia was established in May 2002 through its first store in Puchong, Selangor. Today, it employs over 7,000 employees across 60 stores and two distribution centres throughout Peninsular Malaysia. In 2013, Tesco paved the way in online grocery shopping through the launch of Tesco Online which started in Klang Valley before expanding to Penang, Johor Bahru, Melaka, Negeri Sembilan and Ipoh.